

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Walaupun sekarang telah berdiri beberapa pertubuhan-pertubuhan daripada kaum-kaum muda Melayu Singapura dan Malaya dengan tujuan yang amat baik iaitu hendak membaiki, meluasi, dan mengiyai bahasa Melayu, kerana kononnya, menurut peri bahasa kita “bahawasanya bahasa itulah yang menunjukkan bangsa” akan tetapi nampak-nampaknya peribahasa itu akan tinggal peribahasa sahajalah di sisi kita umat Melayu, kerana pada 13 haribulan Disember 1951M. Di dalam mesyuarat kerajaan Selangor di Bandar Kuala Lumpur, seorang ahli mesyuarat itu bernama Cik Saleha binti Muhammad Ali, seorang pegawai pejabat Pergaulan Raya, telah meminta kebenaran bercakap bahasa Inggeris tetapi yang berhormat mulia Raja Uda pengerusi majlis mesyuarat itu tidak membenarkan, maka Cik Saleha itu berdiri tercengang sahaja sejurus dengan tiada berkata-kata hingga Raja Uda bertanya apa kehendak Cik Saleha itu, maka dijawab “saya memohon izin berbahasa Inggeris kerana saya boleh bercakap lebih terang yang memberi faham daripada dengan bahasa Melayu.” Oleh yang demikian maka tuan pengerusi itu pun benarkan Cik Saleha itu bercakap Inggeris. Demikianlah lebih kurang ujar surat khabar Inggeris “Zi Straits Times” 13 Disember 1951.

Walaupun bahasa Melayu ialah bahasa rasmi di dalam mesyuarat negeri di mana-mana pun Persekutuan Tanah Melayu ini, akan tetapi daripada hari yang tersebut itu terjadilah dengan sendirinya suatu aturan baharu bahawa seseorang ahli mesyuarat boleh bertukar bahasa Inggeris dengan syaratnya mendapat kebenaran daripada tuan pengerusi majlis mesyuarat itu terlebih dahulu.

Maka hal kejadian di atas ini bertepatanlah dengan bidal Melayu :- “Bila berkemudi dihaluan tidak tetaplah perjalanan perahu” dan juga “bila lolos jarum loloslah kelindan” kerana “Cik Puan” ahli

mesyuarat itu telah membuka jalan yang awal, terutama sekali bagi ahli-ahli mesyuarat yang bukan Melayu pun akan kelak berkata ia tiada cukup faham apa-apa yang dibaca dan yang dicakapkan di dalam bahasa Melayu di dalam mesyuarat itu. Kerajaan pun harus terpaksa mengadakan seorang juru bahasa yang pandai di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Ataupun dibuang bahasa Melayu dan digantikan dengan bahasa Inggeris sahaja dimajlis mesyuarat kerajaan dimana-mana pun di dalam Persekutuan Tanah Melayu ini—digantikan bahasa Melayu tinggal kekal bahasa Inggeris sahaja menjadi bahasa rasmi.

Bagaimanakah hendak katakan “Bahasa menunjukkan Bangsa” yakni bahasa Melayu menunjukkan bangsa Melayu? Dan Melayu tanah air kita, bukan tanah air bertumpang-tumpangan dengan kita seperti orang-orang Malayan, dan bagaimanakah kita umat-umat Melayu hendak menunjukkan hak-hak Melayu jika sekiranya hilang bahasa dan bangsa kita? Tambahan pula telah sudah dahulu seorang Melayu yang bangsawan dan berpengetahuan mengatakan bahawa kita umat-umat Melayu am di Malaya ini tidak berhak mengatakan Tanah Melayu ini tanah air kita yang asli adapun tuan punya yang asli itu ialah orang-orang sakai adapun bahasa yang dipakai oleh orang ramai amnya di Malaya kelak menjadi bahasa “Malayan” ataupun bahasa pasar Malayan campur aduk!

Agak-agaknya – minta “maaf jika saya khilaf—Cik Saleha itu telah diperanakkan di tanah England dan besar ia di sana, di mana ia tiada biasa berbahasa Melayu dan kemudian ia ke Malaya dengan kapal selam. Dan juga barangkali ia setiap hari berbahasa Inggeris sahaja di rumahnya dengan ibu bapanya, orang dalam rumahnya dan jiran-jirannya. Jikalau seorang Melayu dan di peranakan serta besar ia di Tanah Melayu mengaku tidak pandai berbahasa Melayu, saya pun terasa malu sangat-sangat.

Di sini, setelah memerhatikan hal ehwal di Tanah Melayu dari masa dahulu sehingga hari ini, tidaklah boleh di salahkan saya berkata, bahawa tiada siapa yang menjatuhkan bahasa dan bangsa kita Melayu termasuklah

siasah, iktisad, akhlak, pergaulan lelaki perempuan, adat istiadat, kehormatan dan pakaian-pakaian kebangsaan Melayu dan lebih-lebih lagi mencuai-cuaikan suruhan-suruhan serta larangan-larangan agama kita Islam iaitu agama Allah, melainkan anak-anak bangsa kita Melayu sendiri jualah, sebagaimana yang disaksikan oleh kita Melayu sendiri setiap hari dan malam di tempat-tempat yang kita sendiri tahu masing-masing dengan tidak payah saya sebutkan lagi di dalam majalah ini.

Sesungguhnya tiada saya menulis berturut-turut kali dihalaman majalah Qalam yang permai bersabit dengan bahasa dan bangsa kita Melayu melainkan semata-mata kerana kasih dan ikhlas kepada anak bangsa saya Melayu dan tidaklah sekali-kali kerana hendak menunjukkan kepandaian saya, kerana saya mengaku ada banyak orang-orang lain lagi yang lebih pandai daripada saya.

Syahdan lagi berkenaan dengan perkataan-perkataan dan peri bahasa-bahasa bangsa-bangsa asing yang ada mula dipakai di dalam bahasa Melayu kita sekarang ini, oleh kerana memelihara kehormatan nama tuan-tuan pengarang akhbar-akhbar dan pengarang-pengarang kitab-kitab tarikh, hikayat-hikayat, atau cerita-cerita dan lain-lainnya, maka tidaklah suka saya menzahirkan nama tuan-tuan pengarang itu, hanya saya turunkan sahaja di bawah ini apa-apa yang didapati tidak betul, iaitu :

Committe Receipts—ada pun “*Committee*” itu perkataan Inggeris ertinya jawatankuasa dan “*receipts*” itu perkataan Belanda yang bererti sambutan (bahasa Inggerisnya reception) maka kedua-dua perkataan itu Melayunya Jawatankuasa Sambutan, yakni orang-orang yang ditentukan menyambut atau menerima kedatangan orang-orang jemputan atau pun pelawat-pelawat di dalam suatu majlis yang ditentukan. Akan tetapi mengapakah dicampurkan bahasa Inggeris dengan bahasa Belanda itu pula yang menjadikan dia bahasa campur aduk?

Tentang di muka yang mula-mula disetengah buku-buku cerita pernah juga saya lihat ditulis (dicap) “*Preface*” (preface) iaitu perkataan Inggeris, ertinya pendahuluan, dan pada yang lainnya “*introduksi*” iaitu perkataan Belanda yang jika diinggeriskan ialah (*Introduction*)

ertinya pengenalan. Adapun (1) *preface*—pendahuluan itu, menerangkan faedah dan mengapa ditulis buku itu dan keterangan-keterangan yang lain berkenaan dengannya. Dan (2) *introduction*—pengenalan—itu mengenalkan siapa pengarang buku itu dan keterangan yang lain-lain berkenaan dengan pengarang itu, kepada pembaca-pembaca buku itu.

Bagi kita orang-orang Melayu Malaya ini yang di bawah naungan Inggeris memadalah menggunakan perkataan-perkataan Inggeris dan bagi orang-orang Melayu, Jawa dan lain-lainnya di Indonesia yang sudah lebih kurang 400 tahun di bawah perintah Belanda dan mereka itu memang pandai di dalam bahasa Belanda tiadalah boleh disalahkan kerana penggunaan perkataan Belanda akan tetapi mengapakah dicampur-campurkan kedua-duanya itu? Agaknya kerana si penulis atau pengarang itu hendak menunjukkan dirinya kaya di dalam banyak bahasa-bahasakah? Dan lagi nampaknya penulis-penulis dan pengarang-pengarang baharu kita bila telah tahu sepatah dua perkataan dagang maka perkataan itulah sahaja dipakainya dan perkataan-perkataan Melayu sendiri yang bertepatan erti dan fahamannya ditinggalkan langsung. Pada pendapat saya bahawa perbuatan yang demikian tidaklah bererti hendak mengiakan bahasa kita. Sepatutnya hak kita sendiri jangan dibuang, tambahlah dengan yang lain sedikit-sedikit hingga lama kelamaan menjadi bukit. Sekianlah dahulu nasihat saya yang ikhlas.

Cetak yang keempat!

Pesan Segera!

BILIK 69

Buku yang telah mendapat sambutan yang luar biasa.

Inilah buku yang pertama kali keluaran kita yang telah dicetak hingga yang keempat.

Sesiapa di antara pembaca yang belum dapat membelinya pesanlah sekarang- dikarang oleh Ahmad Lutfi— didalamnya berhias dengan gambar-gambar yang menarik.

Harga senaskah \$1.20—pos 10 sen.

Sekodi \$19.00

Pesanlah kepada:

QALAM
356, GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14.